

# KUASA AGAMA DI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Di dalam keadaan pancaroba yang sedemikian ini besarnya maka tidak ada suatu jalan untuk melepaskan orang-orang Melayu daripada mala petaka yang menyimpannya daripada berbagai-bagai pancoroba itu selain daripada berpandu kepada pengajaran Islam – demikianlah faham-faham yang dinyatakan oleh cerdik pandai Melayu yang berfikiran tenang. Yang mempercayai bahawa kedudukan orang Melayu akan binasa kalau ia tidak dengan segera berbalik kepada pengajaran Islam dan bersatu atas nama Islam untuk menegakkan muslihat dan kedudukan mereka pada masa yang akan datang. Faham yang sedemikian ini tidak hanya terbit daripada fikiran orang Islam bahkan terbit juga daripada pandangan dan fikiran orang-orang yang bukan Islam.

## **INSAFLAH!**

(Oleh Edrus)

Dengan faham-faham yang tersebut di atas maka moleklah benar kita mengkaji tentang kuasa yang ada kepada kita di dalam Persekutuan Tanah Melayu oleh sebab dengan kuasa yang ada itulah tak dapat dinafikan atau ditolak sesuatu tentangan yang didatangkan asakan sahaja kita bersatu menuntunya.

Di dalam Perjanjian-perjanjian Federation tersebut bahawa kerajaan British tidak akan mencampuri hal ehwal agama dan adat istiadat Melayu dan yang demikian maka hal ehwal agama adat dan istiadat Melayu itu kuasanya terpulang kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan dan kepada State-state Council masing-masing negeri tetapi masalah yang besar sekali menyelenggarakan ini terbeban kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan kerana dengan tadbir dan kebijaksanaan mereka itu beserta dengan penasihat-penasihatnya, kehendak-kehendak dan tujuan agama akan dapat diselenggarakan dengan semolek-moleknya mengikut sebagaimana yang boleh dijalankan oleh kedudukan masing-masing negeri itu pada masa ini.

Dengan keadaan ini tidaklah boleh disalahkan kepada orang-orang yang menuduh bahawa adanya majlis ilmu yang dibawah anjuran Sultan itu tidak akan membawa faedah selain daripada meletakkan mereka yang sentiasa mengutamakan masalah sendiri sahaja termasuk di dalam lingkungan itu sedang masalah-maslahat yang umum, masalah yang dikehendaki oleh

umat supaya dijalankan seperti mengambil kuasa-kuasa yang penuh tentang membentuk masyarakat Islam dengan wang Islam sendiri yakni daripada zakat tidak akan terbina.

Menurut pendapat saya, keputusan menampak sedemikian itu bolehlah dikatakan gopoh – terutamanya kita belum menampak apa corak yang dibawa oleh Majlis Agama yang dibentuk oleh Duli Yang Maha Mulia – Yang Maha Mulia Sultan itu. Selain daripada itu patut kita memperhati bahawa setelah berjalan Perjanjian Federation empat tahun lamanya maka masih banyak negeri-negeri yang belum menyempurnakan segala undang-undang khasnya (Jabatan Agama) yang menentukan kuasa yang boleh dijalankan; dan dengan sebab itu tiap-tiap suatu langkah belum boleh dijalankan dengan sempurna atau belum boleh di gerakan selagi peraturan dan kuasa-kuasanya belum sempurna.

Dengan sebab itu, janganlah mudah kita mengeluarkan tuduhan-tuduhan ke atas sebarang ketua yang masuk dalam perkara itu sebelum menyelidiki dan mengetahui di mana kedudukannya dan bagaimana keadaan. Kita mesti memikirkan dan mesti mengetahui bahawa walaubagaimanapun cergasnya seorang berdua untuk menyampaikan segala cita-cita yang baik atas faedah agama tetapi segala cita-citanya akan terbengkalai dengan adanya alim ulama yang melingkungi atau menjadi hijab di antara rakyat dengan Sultan oleh kerana sebagaimana yang saya ketahui dan faham, ulama-ulama yang berfaham sebegitu kolot dan tidak mau mengikut beredaran zaman jika tidak semua, banyak



yang bertulis yang boleh dijalankan mengikut kedudukan dan keadaan kita di Semenanjung Tanah Melayu ini.”

Daripada perkataan ini bolehlah kita mengambil suatu iktibar antara membuka suatu hijab yang menyatakan di mana sebenarnya kedudukannya kurang sempurna segala sesuatu pertadbiran berkenaan dengan agama dengan suatu hijab-hijab yang nyata dan patut diperhati. Orang ramai masih banyak yang berkata bahawa jabatan-jabatan agama itu hanya dan selalu mengadakan undang-undang yang mengenai hukum-hukum kesalahan agama, seperti tidak

bersembahyang Jumaat dan puasa sedang hukuman-hukuman itu berjalan hanya kepada orang umum sedang datuk-datuk dan anak-anak raja

tidak terikat kepadanya bahkan solatnya sendiri tidak terikat dengan undang-undang itu.

Orang ramai juga berpendapat bahawa cara yang demikian ini patut dikemudiankan kerana ada perkara-perkara yang terlebih dahulu yang utama dikemukakan untuk mentadbirkan hal ehwal yang membawa keinsafan kepada kedudukan kita pada masa yang akan datang.

Sebagai contoh – marilah kita periksa kedudukan sekolah-sekolah pondok di sebelah utara Tanah Melayu. Tiap-tiap tahun penuntut-penuntut yang keluar daripada sekolah-sekolah pondok itu, menurut pendapatnya seorang sahabat saya di Kedah, di Kedah sahaja ada seramai 40,000 orang yang keluar daripada sekolah itu. Habis sekolah ke mana mereka mesti mahu pergi? Sedang pelajaran di pondok-pondok itu keadaannya tidak mengikuti aliran zaman dan berperaturan yang sempurna bahkan di antara sebuah dengan sebuah madrasah-madrasah pondok itu tidak pun sama pelajarannya. Adanya madrasah-madrasah pondok itu patut kita puji dan patut dijadikan contoh serta patut diucapkan terima kasih kepada penaja-penajanya yang menunjukkan bahawa mereka itu ada mempunyai kemahuan, ada mempunyai semangat bagi memberi petunjuk kepada umat

*Madrasah al-Nahdah al-Islamiah di Kedah. Bangunan madrasah ini sangat cantik tetapi...*

*Lihat gambar muka 14 – gambar Qalam*

yang telah mempengaruhi Sultan-sultan sehingga dengan kerana itu baik daripada jabatan-jabatan itu bunyinya sahaja yang ada tetapi segala kerja-kerjanya tidak boleh diharap – dan sebab itulah harus ia menjadi tumpuan tempelak umat dengan sebab ketiadaan puas hati dengan segala langkah dan gerak geri yang dijalankan di atas nama agama.

Tetapi kita mesti sedar juga atas kepayahan-kepayahan yang dihadapi oleh mereka yang berkemajuan itu. Seorang yang Di-Pertua Jabatan Agama di dalam Persekutuan Tanah Melayu telah pernah berkata kepada saya – (kedudukan saya yang payah sekarang ialah yang melingkungi dan mempengaruhi Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan itu kebanyakan daripada orang-orang tua atau alim ulama yang tidak mau menyesuaikan keadaan dan masa bahkan ia adalah menghalang sesuatu langkah yang hendak dibuat dengan cara pertadbiran bagi menyempurnakan segala kerja-kerja dengan teratur dan luas serta mengambil kuasa-kuasa yang lebih utama untuk menyelenggarakan segala sesuatu pekerjaan yang berfaedah kepada umum dan masyarakat Islam dengan suatu pentadbiran yang mempunyai kuasa

supaya berbalik kepada agama, supaya mengesan dan mempelajari hal ehwal agama tetapi hanya di dalam bahagian ibadah sahaja sedang hal ehwal kehidupan dan sendi masyarakat yang perlu tidak diadakan.

Seorang guru yang hendak mengajar di dalam madrasah-madrasah pondok itu hanya dikehendaki diadakan peperiksaan yang bolehlah disebut jangan tidak sahaja kemudian diberi tauliah mengajar. Di antara sebuah dengan sebuah pondok itu terdapat pula perlawanan di antara satu dengan lain supaya lebih mempunyai pengaruh dan lebih baik murid-murid kerana tujuan saya tidak hendak mencitrakan panjang tentang keadaan madrasah pondok itu maka barulah saya tinggalkan dahulu hingga pada suatu masa yang akan datang saya akan mengupas satu persatu tentang ini terutama tentang tempat tinggal murid-murid yang datang dari jauh di dalam pondok-pondok yang lebarnya lebih kurang sedepa, panjangnya sedepa setengah atau dua, tingginya, setinggi berdiri mengelilingi madrasah itu atau pun berhampiran dengan madrasah itu yang bolehlah disifatkan seperti “sangkar tikus”. Perkara ini saya akan kupas di belakang nanti dan sekarang marilah kita menatap tentang jabatan yang mensoal ke atasnya.

Kalau sekiranya kuasa agama ada di tangan Duli-duli Yang Maha Mulia dan Duli-duli Yang Maha Mulia mempunyai satu jabatan yang mentadbirnya maka adakah gamaknya tidak berketanggungan jabatan-jabatan itu mengatur dan menyusun serta menyampaikan pelajaran-pelajaran madrasah itu supaya meningkat kepada suatu peringkat yang sesuai dengan keadaan zaman? Tidak ada suatu jalan yang berkesan dan lebih memberi kesan atas perkara ini selain daripada Majlis Ulama yang ditubuhkan oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan memerhati dengan saksama atas perkara ini. Mereka patut memikirkan, dengan tidak berlengah mendirikan sebuah sekolah “normal” untuk melatih guru-guru yang bakal mengajar

di seluruh negeri masing-masing dan menaja pengajaran-pengajaran yang sama di dalam tiap-tiap sekolah itu seperti mengadakan buku-buku dengan satu rupa yang dikarang oleh suatu jawatankuasa kerajaannya yang dilantik oleh Majlis itu sedang jawatankuasa itu hendaklah meletakkan kewajipannya mengikut kehendak-kehendak perubahan masa dan zaman. Sekolah normal ini hendaklah dibelanjai bersama-sama oleh masing-masing negeri – jika tidak dapat daripada wang perbendaharaan kerajaan hendaklah diambil daripada kutipan-kutipan zakat harta yang dikuatkuasakan memungutnya dengan peraturan undang-undang.

Inilah sebahagian tanggungan-tanggungan yang besar yang patut diperhati oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan yang mempunyai kuasa di dalam perkara agama di negeri masing-masing sedang kuasa itu tidak boleh dicampuri walau sedikit pun oleh pihak pentadbiran British di Semenanjung Tanah Melayu ini. Pentadbiran tentang pelajaran ini sangat-sangat perlu oleh kerana telah difahamkan bahawa di dalam madrasah-madrasah itu telah berlaku beberapa perkara memeras murid dan ibubapa murid samada dengan tepat atau dengan berselindung, samada bertopengkan dengan pengajaran agama atau sebagainya – semuanya mesti




*Inilah dia tetapinya! Nun di sana nampak bangunan yang indah sedang yang berjijir berhimpit-himpit itu ialah tempat tinggal murid-murid yang sempit – gambar Qalam.*

diperhati untuk keselamatan rakyat yang beragama Islam, rakyat yang akan menjunjung kemuliaan Raja-raja itu sendiri jika Raja-raja itu memerhati kedudukan rakyat-rakyatnya.

Saya masih ingat lagi bercakapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor tatkala bercakap-cakap dengan tidak rasmi menyatakan bahawa Baginda hidup tidak akan mahu menjual agama Baginda. Duli Yang Maha Mulia itu telah menyatakan bahawa usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengatur undang-undang agama bagi negeri Selangor. Tiap-tiap suatu pekerjaan tidak dengan berundang-undang dan berperaturan sudah tentu tidak boleh berjalan dengan sempurna. Inilah kemahuan Yang Maha Mulia itu dan menyatakan juga bahawa kalau sekadar Yang Maha Mulia itu sendiri menjalankan langkah itu sudah tentu tidak akan mendapat sesuatu natijah yang memuaskan, kerana kuasa yang ada kepada Duli Yang Maha Mulia itu sekarang berhad dan dengan sebab itu sangat mustahak mendapat sokongan dan bantuan daripada rakyat Selangor. Rakyat Islam Selangor mesti bersatu dan menyokong segala tujuan-tujuan yang mulia bagi agama dan dengan sokongan itulah dapat di tegakkan kehendak-kehendak dan muslihat agama dengan tidak lagi ragu-ragu dan tempelak menempelak.

Perkataan Duli Yang Maha Mulia ini benar. Selagi kita tidak mempunyai persatuan dan selagi kita pecah belah maka kemuliaan agama, pentadbiran agama dan hal ehwal agama kita akan diperkecil dan akan tidak berapa diindahkan orang bahkan akan disekat bukannya sahaja oleh orang yang bukan Islam tetapi oleh yang mengaku Islam dan di antaranya ada juga yang telah pernah berkata: Dengan terikatnya Perjanjian Federation ini janganlah kita nanti akan berkata dan mengaku bahawa semua orang pendapatan Persekutuan Tanah Melayu itu akan digunakan kepada agama sahaja. “ – Suatu cupak daripada orang yang mengaku Islam ini adalah menjadi ukuran



*Ini satu lagi pemandangan di pondok-pondok madrasah al-Nahdah itu.*

*Jarak di antara pondok-pondok itu lebih kurang sedepa sahaja yang menjadi jalan besarnya. – gambar Qalam*

-----\*-----\*-----

dan perhatian bahawa di dalam lingkungan kita sendiri ada orang yang anti agama dan memburuk-burukkan bahawa agama Islam hanya ibadah sahaja tidak boleh campur dalam politik dan masyarakat. Sekianlah mudah-mudahan dapat ditulis lagi dalam keluaran yang akan datang – insya-Allah.

---

## WASIAT YANG BERHARGA

Tiap-tiap sesuatu kumpulan yang didirikan untuk keperluan rakyat itu, kepunyaan rakyat, bukan kepunyaan beberapa orang yang mendirikannya.

-----\*-----\*-----

Pepatah: Takkan menang kecuali dengan kekuatan, takkan kuat kecuali dengan persatuan, takkan dapat bersatu kecuali dengan keutamaan dan bukan keutamaan dan selainnya Islam.

-----\*-----\*-----

Hendaklah tiap-tiap pemimpin ingat bahawa dia jadi pemimpin itu untuk berkhidmat kepada rakyat, bukan rakyat yang mesti berkhidmat kepadanya.